


# Hip

## Ramli abadikan Ku Cari Damai Abadi nukilan Pak Lah



Rabu,  
16 April 2025  
bhhp@bh.com.my

→ Ikuti lebih berita di  
www.bharian.com.my

Papa Rock sifatkan karya Abdullah sarat jiwa dalam mencari makna kehidupan

Oleh Affan Rostam  
affan.rostam@bh.com.my

Penyanyi legenda, Datuk Ramli Sarip akan terus abadikan sebagai kenangan lagu *Ku Cari Damai Abadi* yang juga sajak nukilan Perdana Menteri kelima, Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi yang ditulis pada 2004.

Ramli berkata, Allahyarham Abdullah yang juga mesra dengan panggilan Pak Lah sememangnya

mempunyai minat mendalam terhadap karya berunsur kerohanian.

Berkongsi detik awal sebelum sajak berkenaan dirakamkan sebagai lagu pada tahun sama ia ditulis, penyanyi jolokan Papa Rock itu berkongsi, dia pernah berjumpa secara langsung dengan Allahyarham.

“Saya pernah berjumpa, tapi tidak berbicara langsung mengenai lagu *Ku Cari Damai Abadi*. Sewaktu Allahyarham menjadi Perdana Menteri, beliau pernah berjumpa saya selepas satu acara.

“Ketika itu, saya menyanyikan lagu *Hilang Gelap Terbitlah Terang*, mungkin Allahyarham suka dengan lagu berbentuk kerohanian atau bait sajak seperti itu. Bila terjumpa, kami saling bertanya khabar.

“Lagu ini mungkin menyentuh atau memberi kesan kepada beliau. Selepas itu, bila saya

mula diberitahu ada dua atau tiga penyanyi yang cuba melagukan sajak *Ku Cari Damai Abadi*.

“Ini antara kenangan terindah saya. Jika ada persembahan sesuai, saya akan nyanyikan dan beritahu mengenai maksud serta pengalaman sendiri,” kepada *HIP*.

### Sejarah indah, manis

Pada masa sama, Ramli berkata, secara peribadi, dia menyukai sajak nukilan Allahyarham kerana mempunyai bait kerohanian sangat kuat.

“Saya hanya dengar secara santai sahaja. Akan tetapi, dalam hati saya sekiranya diberi peluang dan ada ilham agak sesuai dengan melodi, lirik dan muzik.

“Saya suka liriknya kerana sangat *simple*, jelas dan ada unsur kerohanian yang kuat,” katanya.

Ramli berkongsi, dia sempat bertemu dengan Allahyarham Abdullah ketika memersebah-

kan lagu berkenaan semasa Perhimpunan Agung UMNO (PAU) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur ketika era kepimpinannya sebagai Perdana Menteri.

“Selepas buat persembahan, saya turun, tetapi mereka suruh saya tunggu sebab Allahyarham mahu berjumpa saya. Ketika itulah, beliau beritahu lagu ini sesuai dengan perasaannya.

“Beliau sifatkan lagu ini bertepatan dengan tema. Itu adalah sejarah saya mengenai lagu ini, ia sangat indah dan manis.

“Secara peribadi, saya tahu beliau adalah seorang yang tenang dan suka dengan puisi kerohanian. Saya tersentuh dengan pemergian Allahyarham,” katanya.

Selepas pemergian Allahyarham Abdullah, sajak nukilan berjudul *Ku Cari Damai Abadi* kembali dikongsi rakyat Malaysia daripada pelbagai latar belakang

sebagai tanda penghormatan dan kenangan terhadap Perdana Menteri kelima itu.

Karya Allahyarham Abdullah disifatkan sarat dengan jiwa dan pemikiran mendalam, selain mencerminkan aspirasi untuk mencari makna kehidupan bukan melalui harta, wang atau kenikmatan dunia semata-mata, sebaliknya melalui hubungan dengan Tuhan dan pencarian ketenangan rohani.

Allahyarham Abdullah yang berkhidmat sebagai Perdana Menteri dari 2003 hingga 2009, menghembuskan nafas terakhir pada usia 85 tahun di Institut Jantung Negara (IJN) jam 7.10 malam kelmarin.

Allahyarham dikebumikan mengikut Istiadat Pengebumian Negara. Jenazah disembahyangkan selepas solat Zohor di Masjid Negara, seterusnya dikebumikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara, semalam.